



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

### KENYATAAN MEDIA

## INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA APRIL 2023

---

### Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus menurun kepada negatif 3.0 peratus pada April 2023

**PUTRAJAYA, 29 Mei 2023** – Kadar Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang terus menurun kepada negatif 3.0 peratus pada April 2023 berbanding negatif 2.9 peratus pada Mac 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, APRIL 2023**.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, "Penguncupan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan dan Perlombongan. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan terus menunjukkan trend negatif selama sepuluh bulan berturut-turut, merekodkan negatif 26.0 peratus (Mac 2023: -28.7%). Buah tandan segar kelapa sawit iaitu komponen terbesar dalam sektor ini jatuh negatif 40.3 peratus pada April 2023 berbanding negatif 43.5 peratus pada Mac 2023. Sektor Perlombongan turut mencatatkan penurunan negatif 4.7 peratus pada April 2023 berbanding negatif 11.5 peratus pada bulan sebelumnya, kesan kejatuhan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-12.5%). Sementara itu, sektor Pembuatan merekodkan peningkatan marginal 0.1 peratus (Mac 2023: 1.4%) disebabkan oleh peningkatan signifikan indeks Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (7.2%) dan Pembuatan kelengkapan elektrik (4.7%), dan diimbangi dengan penurunan indeks Pembuatan produk makanan (-7.3%) dan Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-1.7%). Pada masa yang sama, sektor Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 0.1 peratus."

Jabatan Perangkaan Malaysia turut menjelaskan, "Pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan mencatatkan peningkatan marginal 0.2 peratus pada April 2023 berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 0.8 peratus, disebabkan peningkatan dalam indeks Penanaman tanaman kekal (1.1%). Sektor Perlombongan mencatatkan peningkatan 0.5 peratus (Mac 2023: -0.6%), seiring dengan peningkatan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (1.5%). Sektor Pembuatan pula mencatatkan meningkat perlahan 0.1 peratus (Mac 2023: -0.1%), disebabkan oleh indeks Pembuatan produk makanan (0.9%) dan Pembuatan kimia & produk kimia (0.7%). Sementara itu, sektor Bekalan elektrik & gas turun kepada negatif 0.6 peratus berbanding 0.5 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya, manakala sektor Bekalan air kekal tidak berubah."

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, "Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya susut kepada negatif 17.6 peratus pada April 2023 (Mac 2023: -21.0%) disebabkan penurunan negatif 21.3 peratus dalam indeks Bahan bukan makanan. Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 0.1 peratus pada bulan ini (Mac 2023: 1.5%) disebabkan oleh penurunan dalam indeks Bahan & komponen untuk pembuatan (-4.7%) dan Bekas (-2.0%). Sebaliknya, indeks Barang siap meningkat 3.5 peratus (Mac 2023: 3.9%) dengan indeks Kelengkapan modal dan Barangan pengguna siap masing-masing meningkat 4.1 peratus dan 2.8 peratus."

Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyatakan indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya dan Bahan perantaraan, bekalan & komponen masing-masing meningkat 0.7 peratus dan 0.2 peratus pada asas bulanan. Sementara itu, indeks Barang siap menurun negatif 0.1 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia turut menjelaskan bahawa ketidaktentuan harga terutamanya dalam tenaga dan produk makanan memberi kesan kepada indeks harga pengeluar di kebanyakan negara. IHPR Amerika Syarikat (AS) meningkat 2.3 peratus selepas peningkatan 2.7 peratus pada Mac 2023, yang boleh dilihat pada Permintaan makanan akhir terutamanya dalam indeks Buah-buahan segar dan tembikai serta Telur untuk kegunaan segar. Inflasi pengeluar tahunan Jerman meningkat 4.1 peratus (Mac 2023: 6.7%), di mana kesemua kategori menunjukkan peningkatan secara perlahan. Walau bagaimanapun, Inflasi pengeluar India turun negatif 0.9 peratus (Mac 2023: 1.3%) pertama kali sejak Julai 2020. Harga pengeluar China pula turun negatif 3.6 peratus

berbanding negatif 2.5 peratus pada bulan sebelumnya. IHPR Jepun meningkat pada kadar yang perlahan 5.8 peratus berbanding 7.4 peratus pada bulan sebelumnya.


Selain itu, Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyatakan, “Dalam Global Commodity Market Outlook terkini edisi April 2023, Bank Dunia menyatakan bahawa harga komoditi dijangka 21 peratus lebih rendah secara keseluruhan pada 2023 berbanding pada tahun 2022. Ini khususnya kepada harga tenaga, minyak mentah, harga pertanian dan baja. Pencerobohan Rusia ke atas Ukraine telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi yang perlahan dan pengagihan semula aliran perdagangan komoditi global. Walaupun dijangka berlaku penurunan besar pada tahun ini, harga semua komoditi utama akan kekal di atas paras harga purata pada tahun 2015-2019.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


**Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia**




**Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia**



**Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia**



**Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)**



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**29 MEI 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA  
APRIL 2023**

---

***Malaysia's Producer Price Index declined further to  
negative 3.0 per cent in April 2023***

**PUTRAJAYA, 29<sup>th</sup> May 2023** – The rate of Malaysia's Producer Price Index which measures the prices of goods at factory gate declined further to negative 3.0 per cent in April 2023 as against negative 2.9 per cent in March 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, APRIL 2023**.

According to the Department of Statistics Malaysia, "The downturn trend is mainly due to the decline in Agriculture, forestry & fishing and Mining sectors. The Agriculture, forestry & fishing sector continued to show a negative trend for ten consecutive months, recording a negative 26.0 per cent (March 2023: -28.7%). The Oil palm fresh fruit bunches which is the largest component in this sector dropped negative 40.3 per cent in April 2023 as compared to negative 43.5 per cent in March 2023. The Mining sector also declined by 4.7 per cent in April 2023 as compared to negative 11.5 per cent in the previous month, due to decrease of the Extraction of crude petroleum index (-12.5%). Meanwhile, the Manufacturing sector registered a marginal increase of 0.1 per cent (March 2023: 1.4%), due to significant increase of Manufacture of computer, electronic & optical products (7.2%) and Manufacture of electrical equipment (4.7%) indices and counterbalanced with the decline in index of Manufacture of food products (-7.3%) and Manufacture of coke & refined petroleum products (-1.7%). In the meantime, Water supply and Electricity & gas supply sectors went up 3.2 per cent and 0.1 per cent, respectively."

The Department of Statistics Malaysia also explained that, "On a monthly basis, PPI local production posted a marginal increase of 0.2 per cent in April 2023 as compared to 0.3 per cent in the prior month. The Agriculture, forestry & fishing sector went up 0.8 per cent, attributed to the increase in the Growing of perennial crops index (1.1%). The Mining sector posted an increase of 0.5 per cent (March 2023: -0.6%), in tandem with the increase of Extraction of crude petroleum index (1.5%). The Manufacturing sector inched up 0.1 per cent (March 2023: -0.1%), due to Manufacture of food products (0.9%) and Manufacture of chemicals & chemical products (0.7%) indices. On the other hand, the Electricity & gas sector decreased by negative 0.6 per cent as against 0.5 per cent in the previous month, while Water supply sector remained unchanged."

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing , "The Crude materials for further processing index slipped further to negative 17.6 per cent in April 2023 (March 2023: -21.0%) due to the decline of negative 21.3 per cent in the Non-food materials. Intermediate materials, supplies & components went down negative 0.1 per cent in this month (March 2023: 1.5%) due to decline in Materials & components for manufacturing (-4.7%) and Containers (-2.0%) indices. However, Finished goods rose by 3.5 per cent (March 2023: 3.9%) with Capital equipment and Finished consumer goods indices increased 4.1 per cent and 2.8 per cent, respectively."

It is also noted that Crude materials for further processing and Intermediate materials, supplies & components indices increased by 0.7 per cent and 0.2 per cent, respectively on a monthly basis. Conversely, Finished goods index inched down negative 0.1 per cent.

The Department of Statistics Malaysia further elaborated that the volatility of prices particularly in energy and food products affected the index of producer prices for most countries. The PPI of United States of America edged up 2.3 per cent after an increase of 2.7 per cent in March 2023, which can be traced in Final demand foods particularly in Fresh fruits and melons and Eggs for fresh use indices. Germany's annual producer inflation eased to 4.1 per cent (March 2023: 6.7%), whereby all the categories rose at a slower pace. However, India's producer inflation declined by negative 0.9 per cent (March 2023: 1.3%) for the first time since July 2020. China's producer price also continued to slip by negative 3.6 per cent as against negative 2.5 per cent in the previous month. Japan's PPI eased to 5.8 per cent as compared to 7.4 per cent in the previous month.


*In addition, the Department of Statistics Malaysia also stated that, “In the latest Global Commodity Market Outlook, April 2023 edition, the World Bank indicates that commodity prices are expected to be 21 per cent lower overall in 2023 than in 2022. This is specifically energy prices, crude oil, agricultural prices and fertiliser. The Russia’s invasion of Ukraine had impacted to the slowing economic activity and global reallocation of commodity trade flows. Despite the large declines expected this year, prices of all major commodities will remain above their 2015-2019 average price levels.”*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*


*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.*


**Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia**




**Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)**



Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**  
**29<sup>th</sup> MAY 2023**